

Falasi dalam Pendalilan Hadith (*Istidlal al-Hadith*)

Fallacies in the Hadith's Arguments (*Istidlal al-Hadith*)

MOHD FARHAN MD ARIFFIN^{1*}, IBRAHIM ADHAM MOHD ROKHIBI¹, NAJAH NADIAH AMRAN¹,
MOHD NAZRI AHMAD¹ & FADLAN MOHD OTHMAN¹

¹Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi,
Malaysia

*Corresponding Author; email: farhan.ariffin@ukm.edu.my

Received: 2 January 2023

Revised: 14 April 2023

Accepted: 12 July 2023

Publish: 1 September 2023

ABSTRAK

Mengambil pendalilan daripada hadith tanpa metodologi tepat akan melahirkan naratif salah terhadap Islam seperti ideologi radikal, takfir, tabdi' dan ekstremisme. Pada masa kini, terdapat kelompok-kelompok yang menggunakan dalil hadith jauh di luar konteks sebenar. Penyalahgunaan ini berupaya memudaratkan akidah dan mengelirukan kefahaman masyarakat awam. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan penyelewengan pendalilan hadith yang berlaku pada zaman silam dan kontemporari dengan mengenalpasti isu dan keberadaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang akan mengumpulkan semua kaedah pendalilan hadith salah daripada rujukan-rujukan kitab hadith, sharh al-Hadith, manhaj istidlal dan qawa'id hadithiyyah dalam disiplin ilmu hadith. Data dianalisis secara tematik dan deskriptif. Impak kajian ini berguna dalam menghuraikan kepincangan dalam konteks pendalilan hadith dan berguna menjadi rujukan kepada pelajar jurusan hadith dan pihak-pihak berkepentingan.

Kata kunci: *Istidlal al-Hadith; ambilan dalil, kaedah pendalilan; fahaman menyeleweng; punca*

ABSTRACT

Taking arguments from hadith without accurate methodology will give rise to wrong narratives against Islam, such as radical ideology, takfir, tabdi' and extremism. There are currently groups that employ hadith proofs outside of their intended context. This abuse is capable of harming the public's faith and comprehension. Consequently, this study will concentrate on the distortions of hadith arguments that occurred in the past and contemporary times by identifying the issue and its existence. This study uses a qualitative approach that will collect all inaccurate hadith argumentation methods from references in hadith books, sharh al-Hadith, manhaj istidlal and qawa'id hadithiyyah in the discipline of hadith science. The data were evaluated descriptively and thematically. The impact of this research is useful in explaining the flaws in the context of hadith arguments and serves as a reference for students majoring in hadith and stakeholders.

Keywords: *Istidlal al-Hadith; argument source; reasoning methods; erroneous interpretation; factor*

PENGENALAN

Al-Quran dan hadith merupakan petunjuk dan sumber pendalilan dalam agama Islam. Manusia tidak perlu kepada sumber selain daripada keduanya, melainkan apa yang terbina daripada pemahaman wahyu seperti ijmak dan qiyas. Al-Shafi'i pernah berkata: "Tiada musibah atau ujian yang menimpa seseorang, melainkan terdapat dalil-dalil dalam

Kitabullah sebagai jalan petunjuk di dalam perkara tersebut" (al-Shafi'i 1940).

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, pendalilan membawa maksud perihal mendalilkan yang sopan dan pencapaian yang intelektual menghalau kepada satu perjalanan yang cerah dan benar (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka 2005). Dari segi istilah, *istidlal* membawa maksud meminta petunjuk, memperoleh dalil dan membuat kesimpulan. Al-

Jurjani mendefinisikan *istidlal* sebagai menentukan dalil untuk menetapkan sesuatu keputusan bagi yang ditunjukkan (al-Jurjani 1983). Oleh itu, pengertian *istidlal* secara mudahnya ialah menetapkan dalil-dalil daripada nas al-Quran dan al-Sunnah atau ijmak atau selain dari keduanya-duanya (al-Shanqiti t.t.).

Dalam disiplin ilmu hadith, setelah sumbernya dikenalpasti, aspek pendalilannya pula hendaklah diteliti. Lebih awal, penggunaan nas yang dibuktikan sahih ditekankan oleh para ulama agar dapat menghindarkan masyarakat daripada penyelewengan dalil lemah atau palsu dalam konteks pendalilan hadith (al-Suwaiyan 2008). Dalil yang sahih menerangi jalan seseorang, menetapkan kepercayaan dan amalan pada naratif kebenaran dan menghindarkan daripada ikutan hawa nafsu dan kesesatan.

Tumpuan pada peringkat kedua adalah metodologi interaksi terhadap nas yang dibuktikan sahih. Pada peringkat ini lazimnya berlaku salah faham atau penyelewengan yang disengajakan dalam aspek mengambil pendalilan daripada nas hadith. Bahkan di antara sebab perpecahan umat dan munculnya aliran *bid'ah* pemikiran adalah berpunca daripada kelemahan dan bercampur aduknya manusia dalam persoalan ambilan dalil serta kaedah pendalilan (*al-Talaqqi wa al-Istidlal*). Berapa banyak umat Islam yang rosak akidah dan pemahaman agamanya disebabkan oleh kejahilan terhadap kaedah pendalilan dan sumber ambilan dalil.

Falasi dalam tafsiran pendalilan hadith-hadith bukan sahaja memesongkan ummah, bahkan memudaratkan diri sendiri dengan justifikasi palsu, jauh dari maksud yang dikehendaki dalam nas. Ini menunjukkan bahawa perbezaan *manhaj* dalam pendalilan nas merupakan punca kekeliruan dan ketaksuban satu-satu fahaman. Mereka menganggap diri sebagai kelompok yang paling benar sedangkan orang lain salah, sesat dan menyeleweng (Faisal et al. 2021).

Salah satu masalah terbesar kelompok dinyatakan adalah mereka memiliki pemahaman cetek untuk mendalami dan merenung maksud di sebalik satu-satu pendalilan hadith. Sikap ghairah membuat kesimpulan sebegini telah mengakibatkan pemahaman terhadap ajaran-ajaran Islam dilaksanakan berdasarkan zahir ayat dan lafaz sahaja. Kedangkalan dalam aspek pendalilan melahirkan fatwa songsang dan memberikan pandangan serong terhadap agama dan umat Islam (Farah Wahidah 2019). Pemahaman seumpama ini merupakan isu wajib kekang bagi memberikan pendedahan tepat kepada masyarakat berkenaan pendalilan hadith yang sebenar menurut *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Oleh hal yang demikian, kajian asas ‘Ulum al-Hadith sama ada dalam bab akidah, pemikiran dan kefahaman fiqh tidak pernah berhenti. Bahkan ia telah menjadi ilmu *daruriy* dan keperluan mendesak bagi memandu umat Islam ke arah jalan yang benar, lebih-lebih lagi pada masa kini yang penuh dengan persepsi, perpecahan, penyelewengan dan sebaran *bid'ah* pemikiran dan ikutan hawa nafsu. Di sini terserlah kepentingan penyelidikan ilmu pendalilan hadith (*istidlal al-Hadith*).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan pakai kaedah analisis kandungan. Data dikumpulkan dengan menggunakan analisis dokumen bagi mengkaji aspek teoretikal dan penyelewangan dalam pendalilan hadith. Pendekatan pendalilan hadith dari sudut teori dan praktikal dikumpulkan daripada rujukan kitab-kitab hadith, *sharb al-Hadith, manhaj istidlal* dan *qawa'id hadithiyyah*.

Data-data yang diperoleh seterusnya dianalisis secara tematik dan deskriptif bagi menghasilkan dapatan keberadaan dan punca penyelewangan dalam pendalilan hadith. Pada akhir kajian, keberadaan interpretasi dalam fasa *Jahiliyyah* dan sepanjang sejarah umat Islam dapat dirungkaikan. Data sedia ada turut merumuskan naratif baru dalam rangka pendalilan yang menjadi pegangan kelompok *bid'ah* masa kini.

SOROTAN LITERATUR

Isu keabsahan pendalilan hadith pernah dibincangkan oleh para ilmuwan Islam. Penekanan terhadap pendalilan hadith perlu diselami secara menyeluruh dari semua aspek seperti *fi'liy*, *qawlīy* dan *tagrīry*. Menurut Tabrani (2018), tidak boleh terus membuat kesimpulan dengan hanya membaca satu hadith sahaja. Tetapi perlu membaca kesemua hadith dalam tema yang sama untuk mendapat gambaran keseluruhan dan petunjuk yang berada dalam satu-satu nas. *Maqasid syari'ah* juga perlu ditaakul keberadaannya.

Dalam erti kata yang lain, makna hadith tidak boleh diterokai melalui kaedah pemerhatian dan renungan dari permukaan sahaja, bahkan mesti melalui penguasaan ilmu-ilmu berkaitan hadith terlebih dahulu (Mohd Izwan et al. 2019). Para ulama zaman berzaman telah menjelaskan pendalilan absah bagi satu-satu hadith dalam syarah mereka

terhadap kitab-kitab hadith. Ada juga para ilmuwan yang menjelaskan metodologi pendalilan hadith dalam buku berasingan. Dalam hal ini, *ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* telah menggagaskan satu kaedah yang konsisten dalam berinteraksi dengan nas al-Sunnah iaitu [Pertama]: setiap nas diambil mengikut bentuk asal, kecuali ketika wujud petunjuk yang mengubahnya. [Kedua]: tidak mengkhususkan nas umum atau sebaliknya tanpa petunjuk dalam memahami ayat al-Quran mahupun hadith (Maafi Husin 2018).

Faisal (2016) turut menjelaskan jika satu-satu hadith telah *thabit*, maka layak dijadikan hujah tanpa perlu mengambil kira darjat *kethabitannya* sama ada *mutawatir*, *ahad*, sahih ataupun hasan. Prinsip asas yang dipegang oleh ulama hadith ialah menolak hadith yang bertentangan dengan maksud hadith sahih. Hadith mesti difahami dengan betul sebelum layak digunakan sebagai hujah. Menurut Khairul Amin dan Mohd Norzi (2012), penterjemahan hadith mesti memenuhi syarat-syarat yang terdapat dalam kitab *sharh al-Hadith* muktabar. Antara metodologinya adalah mengambil kira makna hadith berdasarkan pendapat para sahabat, *fuqaha’* serta kaedah bahasa Arab.

Sungguhpun demikian, tafsiran salah terhadap kandungan hadith telah tersebar sehingga memberi kesan terhadap pemikiran dan akidah umat Islam. Dalam wacana hadith semasa, terdapat kelompok-kelompok yang memahami al-Quran dan al-Sunnah menurut hawa nafsu seperti *Syi‘ah*, *Khawarij*, *Mu’tazilah* dan pendokong Liberal (Nur Adilah & Fadlan 2019). Hal ini berpunca tafsiran terhadap hadith dengan mengetepikan maksud ucapan Nabi Muhammad SAW, pandangan para sahabat, tabiin dan ulama muktabar. Segelintir kelompok ini mengikuti kemahaman sendiri tanpa asas ilmu yang mencukupi. Guna pakai dalil secara salah berbekalkan pengetahuan dangkal berupaya mendatangkan sebaran salah terhadap ajaran Islam. Kefahaman cetek seperti ini mendatangkan kebencian, perpecahan, permusuhan, pembunuhan dan peperangan. Semua tindakan tersebut di atas adalah bertentangan dengan ajaran Islam (Mat Jubri 2021).

Khawarij misalnya mentakwil hadith berdasarkan kepada sudut zahir nas dan mengikut selera sendiri tanpa bahas mendalam yang mengakibatkan mereka terkenal dengan keras dalam berprinsip (Khadher, Selamat 2021). Mereka tidak peduli dengan maksud sebenar hadith, bahkan menyelewengkan maksud sehingga kepada maksud yang tidak berkaitan langsung, tanpa mendalami *asbab al-Wurud* dan

sharh al-Tahlili terhadap nas hadith. Selain daripada itu, terdapat kelompok yang mengubahsuai hadith mengikut selera dan kepentingan tertentu sehingga memalsukan hadith dan membuat petikan di luar makna dan konteks sebenar (Faizal 2017).

Sebagai contoh, ramai beranggapan jihad menghalalkan segala jenis kekerasan. Akhirnya didendangkan fatwa-fatwa yang amat bertentangan dengan konsep jihad dalam Islam. Dalam erti kata yang lain, doktrin hasil pendalilan salah yang dipegang oleh sesetengah kelompok mewujudkan kumpulan radikal sehingga berlakunya keganasan dan pembunuhan sesama Islam sehingga memberi implikasi buruk terhadap Islam itu kembali (Mohd Faizal 2017).

Malah terdapat sikap dan tindakan yang lebih berbahaya terhadap tradisi ilmu hadith apabila membenarkan amalan adat resam dan cara hidup dengan mendakwa hadith berasimilasi dengan budaya setempat serta amalan dalam masyarakat boleh dianggap sebagai sunnah. Contohnya amalan menyembelih ayam untuk akikah anak baru lahir (Lily Suzana & Norsaleha 2021).

Tambahan, sebahagian hadith turut difahami secara literal setengah masak seperti hadith-hadith iman dan kafir. Misalnya: “*Tidaklah seorang penzina itu berzina (ketika) dia berada dalam keadaan beriman*” (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 6722). Menurut al-Nawawi (1972), hadith tersebut bukan bertujuan menafikan iman pelaku maksiat, akan tetapi bermaksud menafikan kesempurnaan sebagaimana ungkapan lain seperti tiada ilmu kecuali ilmu bermanfaat dan tiada kehidupan kecuali akhirat. Hadith ini perlu difahami dengan mengumpulkan semua riwayat dan memahami syarah ulama muktabar sebelum boleh mengungkap makna sebenar dari dalam hadith. Kemudian, antara isu lain yang perlu kepada kaedah tepat dalam pendalilan hadith adalah terkait hadith-hadith *mutashabihat*, *ghaybiyyat*, perihal makanan yang dinisahkan sebagai sunnah, hadith akhir zaman, hadith kontroversi dan sebagainya (al-Nawawi 1972).

Kesimpulannya, perkara ini telah dinyatakan di dalam hadith sebagai “*mereka yang membaca al-Quran, tetapi bacaan mereka tidak melewati halkum*” (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 3344). Senario ini ditafsirkan ulama sebagai mereka yang mentafsir secara salah apa yang dibaca (Hudaya 2016). Kesalahan mendalilkan hadith berupaya membawa kerosakan dan melahirkan ideologi ekstremis terhadap individu atau masyarakat jika tidak dibendung dengan baik.

Menjadi satu kewajipan bagi ulama dan pendakwah untuk menghurai dan menghilangkan kekusutan masyarakat berhubung aspek pendalilan hadith. Oleh itu, pentingnya satu kajian dalam aspek pendalilan supaya dapat membezakan pemahaman yang salah dan benar terhadap hadith nabawi, sejajar dengan tuntutan realiti semasa. Hal ini merupakan satu keperluan dalam membahaskan dalil hadith dengan tepat yang merupakan salah satu daripada dua sumber utama syariat Islam.

KEBERADAAN PENDALILAN SALAH PADA ZAMAN JĀHILIYYAH

Sebelum menghuraikan tentang keberadaan penyelewengan dalam konteks *istidlal al-Hadith*, adalah bermanfaat untuk melihat kepada senario *istidlal* yang berlaku pada fasa *Jahiliyyah*, di mana manusia dibelit dengan kegelapan tanpa sinaran wahyu ataupun memilih kekal dalam kegelapan dan ingkar terhadap seruan *Anbiya'*. Akibatnya cukup penting untuk menyedarkan tentang signifikan ambilan sumber dan kaedah pendalilan yang sebenar menuju jalan yang diredai Allah SWT dan Rasul-Nya.

Secara fitrah, daya intelek dan upaya *tadabbur* merupakan salah satu sifat manusia yang dikhususkan Allah SWT kepada manusia, sebagai bentuk-bentuk kelebihannya daripada seluruh makhluk di muka bumi. Allah SWT juga telah merahmati hamba-Nya dengan alat bantu fikir dan penelitian seperti pendengaran, penglihatan dan hati nurani (al-Suwayyan 2008). Maksud firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 78: “*Allah mengeluarkan kamu dari dalam perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun, dan Dia memberimu pendengaran, penglihatan, dan hati nurani, agar kamu bersyukur.*”

Maka setiap manusia pasti akan memiliki kelebihan daya fikir dan upaya *tadabbur* untuk diaplikasikan dalam pelbagai aktiviti kehidupan. Walaupun keupayaan seseorang manusia adalah berbeza iaitu sama ada kurang atau lebih, baik atau buruk, digunakan pada jalan yang diredai ataupun dimurkai Allah SWT.

Merujuk kepada garis masa ambilan dalil serta kaedah pendalilan (*al-Talaqqi wa al-Istidlal*) pada zaman awal, nas-nas al-Quran dan al-Hadīth telah banyak menghuraikan tentang budaya pemikiran dan *istidlal Jahiliyyah*. Pada zaman *Jahiliyyah*, daya intelek dan pertimbangan akal menjadi terganggu, terbantut serta penuh penyelewengan apabila mereka tenggelam dalam gelita kesyirikan

(al-Suwayyan 2008). Hal ini tidak terhad kepada orang-orang Arab *Jahiliyyah*, bahkan merangkum setiap pengikut ajaran batil dan sesat.

Dalam hal ini, Allah SWT mengurniakan kepada semua manusia dengan pancaindera untuk membantunya meneliti, berfikir dan mengenal Allah SWT dengan sebenar-benar pengetahuan. Sungguhpun demikian, orang-orang Musyrik mencacatkan pancaindera mereka dengan tidak digunakan kepada jalan mengenal Allah SWT (al-Suwayyan 2008). Dalam erti kata yang lain, mereka menafikan keupayaan pancaindera dan gagal menggunakan sesuai dengan apa yang dikehendaki Allah SWT. Maksud Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 179: “*Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang larai.*”

Sebagai akibat mematikan fungsi akal dan menafikan keupayaan pancaindera, orang-orang *Jahiliyyah* bergantung kepada mitos dan khurafat tahayul yang menyesatkan sebagai dalil. Mereka menyembah batu, berhala dan pokok, bahkan kesesatan mereka adalah sangat fatal (al-Suwayyan 2008), sebagaimana yang diceritakan oleh Abū Rajā' al-'Ataridiy RA: “*Dahulu kami menyembah batu. Apabila kami menjumpai batu baru, kami membuang yang lama, dan mengambil yang lainnya. Apabila kami tidak menjumpai batu, kami gumpalkan tanah (sebagai sembahhan), kemudian kami bawa datang kambing dan diperah susunya. Kemudian kami mengelilingi (sembahan tersebut) dengannya.*” (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi, no. Hadith 4376)

Begitulah perihalnya perkara khurafat tahayul menjalar dalam pemikiran Arab *Jahiliyyah*, rosaknya kefahaman mereka, tiada daya upaya pemikiran secara saintifik sehingga emelen khurafat tahayul menjadi pasak dalam daya fikir yang mengawal kepercayaan, amalan dan hubungan sosial antara anggota masyarakat. Daya intelek mereka terhad kepada mengagungkan jin dan syaitan, terlibat dalam ilmu sihir, perdukunan serta mempercayai unsur kesialan dan *tatayyur*.

Dari sudut yang lain, fikiran kerdil Arab *Jahiliyyah* hanya terhad kepada perkara material yang nyata (al-

Suwayyan 2008). Mereka tidak mampu menaakul dan menyelami hakikat ketuhanan secara mendalam, bahkan meminta supaya didatangkan bukti menurut permintaan khusus mereka, termasuk meminta untuk melihat Allah SWT. Maksud firman Allah SWT: “Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami)” (Al-Baqarah (2): 55)

Dalam aspek ini, mereka tidak menggunakan kemampuan akal dan pancaindera pada tempatnya, melainkan hanya berkelakuan seperti seorang bayi yang hanya akan percaya apabila melihat bukti di depan mata dan mahu menggenggam dengan tangannya. Lebih naif lagi mereka percaya kepada makhluk ghaib jin dan syaitan yang tidak dilihat, akan tetapi gagal mencapai hakikat tauhid kepada Rabb, pencipta segala makhluk di langit dan bumi.

Keberadaan *istidlal Jahiliyyah* yang diselubungi kegelapan turut mendorong mereka untuk menolak dalil-dalil zahir (bukti nyata) disebabkan *taqlid* buta. Apa yang berlaku adalah *taqlid madhmum* (tercela) oleh kerana mengikut bulat-bulat apa yang disuap atau ditunjukkan, tidak kira sahih atau palsu dan itulah yang berlaku kepada setiap orang yang hanya mengikut-ikut (al-Suwayyan 2008). Apabila Allah SWT menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW, mereka menyanggah baginda SAW dengan berkata: “*Dan mereka (juga) berkata, “Mengapa al-Quran ini tidak diturunkan kepada orang besar (kaya dan berpengaruh) dari salah satu dua negeri ini (Mekah dan Taif)?”* (Al-Zukhruf 43: 31)

Mereka turut mengagungkan ketaatan membabi buta kepada tradisi nenek moyang, mengikut ulama dan ahli ibadah palsu yang mengharamkan yang halal, menghalalkan yang haram, serta *taqlid* buta terhadap pembesar, pemimpin dan ketua yang *fasad* (al-Suwayyan 2008). Pada akhirnya, mereka menafikan keberadaan akal, bergantung hanya pada amalan, adat kebiasaan dan tradisi yang diwariskan daripada generasi ke generasi sehingga terperosok ke dalam lembah kesesatan *taqlid* buta.

Selain daripada itu, hawa nafsu menjadi pemangkin utama dalam upaya fikir *Jahiliyyah* yang menghalang orang Musyrikin daripada menerima kebenaran (al-Suwayyan 2008). Apabila nafsu menjadi penguasa, maka fikiran akan tertutup dan daya upaya akal terhalang sehingga menafikan ayat-ayat dan petunjuk daripada wahyu yang jelas. Nafsu menolak semua jenis kebenaran dan berpaling daripadanya sehingga manusia menjadi tawanan hawa nafsu. Jalan-jalan kebenaran di depannya menjadi

gelap dan keupayaan akal telah pergi menjauh.

Akhirnya, ketiadaan pemikiran secara saintifik dalam kalangan masyarakat Arab *Jahiliyyah* telah menjerumuskan mereka kepada keterikatan dengan *zann* (sangkaan), persepsi dan spekulasi yang tidak dibina berdasarkan dalil atau kaedah yang benar. Daya fikir mereka diulit sangkaan salah, khayalan dan kebenaran yang palsu. Akibatnya, mereka tenggelam dalam kesesatan dan penyelewengan yang nyata (al-Suwayyan 2008).

Sebagai kesimpulan, pertimbangan akal dan *istidlal* salah dalam kalangan orang Musyrikin dan pengikut ajaran batil telah menjerumuskan mereka dalam kegelapan *Jahiliyyah* dan menolak semua hujah serta bukti yang jelas nyata. Apabila mereka tidak mampu berhujah dengan dalil dan bukti kebenaran, mereka mengambil pendekatan menyimpang daripada objektif perbincangan dan mengambil jalan keluar dengan sikap keras kepala dan pertengkar. Allah SWT telah menceritakan tentang sikap mereka di dalam al-Quran surah Hud ayat 32 yang bermaksud: “*Mereka berkata, Wahai Nuh! Sungguh, engkau telah berbantah dengan kami, dan engkau telah memperpanjangkan bantahanmu terhadap kami, maka datangkanlah kepada kami azab yang engkau ancamkan, jika kamu termasuk orang yang benar.*”

Pada akhirnya, mereka bersikap defensif walaupun nyata berhujah dengan kebatilan, penuh kebencian dan kesombongan terhadap kebenaran serta menafikan perkara *haq* walaupun setelah jelas tanda-tandanya. Kebergantungan kepada aspek ambilan dalil dan kaedah pendalilan yang salah akhirnya mengakibatkan masyarakat *Jahiliyyah* mengingkari cahaya kebenaran, mengejek, mencela pembawa kebenaran, menggunakan kekerasan dalam menghadapi kebenaran serta memfitnah para *Anbiya'* dan pembela kebenaran. Bukan sahaja hal demikian berlaku pada zaman Arab *Jahiliyyah*, tetapi ia turut bertapak dalam *firqah* pemikiran *bid'ah* dan sesat yang lain.

PENDALILAN SALAH OLEH PENDOKONG *BID'AH PEMIKIRAN DAN SESAT DALAM SEJARAH ISLAM*

Pendokong kelompok *bid'ah* pemikiran dan sesat dalam sejarah Islam mempunyai pendekatan berbeza dalam memahami nas. Oleh itu, penelitian dilakukan dengan hanya melihat kepada ketundukan mereka kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW serta tafsiran dan interaksi mereka terhadap kandungan

al-Quran dan al-Sunnah. Perlu ditegaskan di sini bahawa kajian ini tidak menyentuh mengenai sejarah kelompok *bid'ah* pemikiran, akan tetapi mengambil kira terhadap pendekatan *istidlal* salah yang dipelopori kelompok tersebut yang masih dipraktikkan secara berleluasa dalam kalangan umat Islam masa kini. Hakikatnya, penyelewengan dan kesesatan semakin meningkat akibat kelalaian, kejahanan dan kekurangan ulama dalam kalangan umat Islam itu sendiri.

Dalam erti kata yang lain, kesesatan daya fikir kelompok *bid'ah* ini bermula daripada sejengkal, berkembang dari segi pengikutnya sehingga menjadi berhasta-hasta, berbatu-batu dan *berfarsakh-farsakh* (Ibn Taymiyyah 1995). Mujahid pernah berkata: “*Mereka bermula sebagai Murji’ah, kemudian menjadi Qadariyyah, dan akhirnya menjadi Majusi*” (al-Lalaka’i 2001). Berikut disenaraikan beberapa kaedah pendalilan salah yang wujud dalam sejarah umat Islam:

PENOLAKAN DAN BANTAHAN TERHADAP NAS THABIT YANG BERTENTANGAN KEHENDAK HAWA NAFSU

Dalam isu ini, perkara utama yang membezakan kelompok *bid'ah* pemikiran dengan *Ahl al-Sunnah* adalah pendirian mereka yang menafikan nas syarak dan petunjuknya yang berstatus *qat'i* (al-Suwayyan 2008). Hal ini berpunca daripada sikap mereka yang berani membantah nas *muhkam* dan *qat'i*. ‘Amru Ibn ‘Ubayd, seorang imam Muktazilah pernah menyatakan bantahan terhadap hadith “*setiap orang dihimpunkan dalam perut ibunya selama 40 hari dalam bentuk nufkah (air mani), kemudian menjadi ‘alaqah...*” Dia menyatakan: “*Sekiranya aku mendengar al-A‘mash menyatakan demikian, nescaya aku akan mendustakannya. Jika aku mendengarnya daripada Zayd Ibn Wahb, maka aku tidak akan membenarkannya. Jika aku mendengar Ibn Mas‘ud berkata demikian, nescaya aku tidak akan menerimanya. Jika aku mendengar Rasulullah SAW bersabda demikian, maka aku akan menolaknya. Jika aku mendengar Allah SWT berfirman demikian, maka aku akan berkata: bukan atas ini, diambil perjanjian-perjanjian kami.*” ‘Amru Ibn ‘Ubayd turut berkata: “*Walaupun ayat ‘Binasalah kedua tangan Abu Lahab’ ada di Luh Mahfuz, ia bukan hujah bagi Allah SWT ke atas hamba-hamba-Nya*” (al-Dhahabi 1963).

Kedua-dua contoh tersebut merupakan contoh jelas mengenai kelantangan kelompok *bid'ah* menolak nas syarak yang *thabit* lagi *muhkam*.

Mereka bukan sahaja, membuat penafian, bahkan membantah nas-nas yang tidak sehaluan. Ini merupakan sifat puak *zindiq* yang keji, perlakuan mereka menambah kerosakan dan kesesatan ke dalam jantung hati umat.

Inilah senario berulang dalam diri kelompok *zindiq* zaman ini daripada kelompok berhaluan kiri, liberal, sekular dan seumpama, mereka berani menyangkal nas agama dan membantah sehingga kepada had paling maksimum. Mereka menyatakan bahawa agama Islam merupakan peninggalan wahyu Ilahi, namun tidak relevan untuk zaman ini. Mereka meminta pemisahan agama daripada kehidupan sama ada dalam aspek sosial, kekeluargaan, politik, ekonomi, kesihatan dan sebagainya. Mereka ini dikenali kelompok pemikir moden atau disebut dengan liberal (Tengku Intan Zarina & Muhamad Najib Abdul Kadir 2013).

MANIPULASI DAN PUTAR BELIT DALAM PENDALILAN USUL SYARIAT

Khawarij merupakan kelompok yang telah tergelincir di dalam hal ini. Mereka hanya mengambil apa yang ada dalam al-Quran, tidak merejam penzina dan memotong tangan pencuri tidak kira sama ada hasil curian banyak atau sikit. Mereka mengharuskan dosa besar bagi para *Anbiya'*, harus pada diri Nabi Muhammad SAW untuk berlaku zalim dan menyesatkan dalam sunnah-sunnah baginda SAW, tidak wajib mentaati dan mengikuti ajaran baginda SAW serta mereka hanya mempercayai baginda SAW dari apa yang disampaikan tentang al-Quran, tidak pada al-Sunnah yang bercanggah dengan al-Quran. Menurut *Khawarij*, tiada hujah kecuali al-Quran dan sunnah Nabawi bukanlah hujah (Ibn Taymiyyah t.t.).

Pandangan seumpama ini juga diikuti oleh sebahagian pelampau Muktazilah, sebagaimana diceritakan oleh ‘Abd al-Qahir al-Baghdadi daripada pandangan al-Nizamiyah bahawa harus untuk umat ini berkumpul di atas kesalahan. Khabar *mutawatir* bukan hujah, disebabkan ia boleh terjadi atas penipuan (‘Abd al-Qahir al-Baghdadi 1928). Di samping itu, wujud kelompok yang mengisyiharkan diri sebagai *Ahl al-Quran*, sedangkan pada hakikatnya mereka menolak *al-Kitab*, *al-Sunnah* dan mengambil dalil hanya yang bertepatan dengan ideologi rosak mereka.

Dalam pada itu, sebahagian daripada orang jahil, pendokong pemikiran *bid'ah* dan *muqallid* buta bertindak mengambil sebahagian nas dan meninggalkan sebahagian yang lain. Mereka hanya

melihat daripada satu sudut dan meninggalkan sudut yang lain, pada akhirnya membawa kesalahan yang banyak dan percampuran antara nas.

Sebagai contoh, *Khawarij* mengambil nas-nas ancaman dan meninggalkan nas-nas galakan, kemudian mereka memahaminya bertentangan dengan maksud asalnya. Mereka mengkafirkan orang Islam, menghalalkan darah serta harta saudara seagama tanpa hujah atau keterangan yang jelas (al-Suwayyan 2008). Mereka mengambil firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 14 yang bermaksud; “*Dan sesiapa menderhakai Allah dan Rasul-Nya dan melanggar batas-batas hukum-Nya, nescaya Allah memasukkannya ke dalam api neraka, kekal di dalamnya dan mendapat azab yang menghinakan*” sementara meninggalkan ayat lain: “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni (dosa) kerana mempersekuatuan-Nya (syirik), dan Dia mengampuni apa (dosa) yang selain (syirik) itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Sesiapa mempersekuatuan Allah, maka sunguh, dia telah berbuat dosa yang besar.*” (Surah al-Nisa' 4: 48)

Dalam pada itu, *Murji'ah* mengambil nas-nas galakan dan meninggalkan nas-nas ancaman, kemudian mereka memahaminya bertentangan dengan maksud asalnya (al-Suwayyan 2008). Mereka menyatakan maksiat tidak memberi mudarat kepada iman, sebagaimana ketaatan tidak memberi manfaat pada kekufturan. Mereka mengambil hadith yang bermaksud: “*Sesiapa yang mati dalam keadaan dia mengetahui bahawa tiada tuhan selain Allah, masuk syurga*” (Sunan Abi Daud, Bab fi al-Talqin, no. Hadith 3116). Namun mereka meninggalkan sabda yang lain, iaitu: “*Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim*” (Sahih al-Bukhari, Bab Ithm al-Qati‘, no. Hadith 5637) dan sebagainya.

Sikap kelompok taksub dan *muqallid* buta pada satu-satu hadith adalah mengambil dalil yang sesuai dengan pandangan mereka, dan menolak sebaliknya. Natijahnya, berleluasa kesesatan dan pemikiran *bid'ah* pada umat ini berpunca daripada beriman dengan sebahagian yang dibawa oleh Rasulullah SAW, dan meninggalkan sebahagian yang lain. Menurut al-Shāṭibī, seringkali dilihat orang jahil berhujah dengan dalil *fasad*, berpada dengan dalil tertentu dan menghindar daripada dalil-dalil usul dan *furu'* lain yang menyokong atau menolak pandangannya (al-Shatibi 2008).

PENDUSTAAN TERHADAP RASULULLAH SAW

Kelompok *Zanadiqah*, *Batinyyah* seperti *Rafidah* dan *Jahmiyyah* bersandarkan kepada pendustaan dan penipuan secara langsung terhadap hadith Nabi Muhammad SAW. Seorang shaykh *Rafidah* yang telah bertaubat menyatakan: “*Dahulu apabila kami berkumpul lalu kami memandang sesuatu perkara sebagai baik, kami akan buatkan untuknya satu hadith*” (al-Baghdādī t.t.). Menurut al-Shāfi‘ī: “*Aku tidak pernah melihat kelompok pendokong hawa nafsu yang paling dusta daripada Rafidah*” (al-Baghdādī t.t.). Ibn Taimiyah turut menyifatkan *Rafidah* sebagai kumpulan paling dusta semenjak dahulu lagi. Para imam telah mengetahui perbezaan *Rafidah* dengan banyak melakukan pendustaan (Ibn Taymiyyah 1986). Mereka mendustakan Allah SWT, Rasulullah SAW, para sahabat dan kerabat Nabi Muhammad SAW. Mereka mendustakan kebenaran yang sedia maklum *thabit*, sahih dan *sarih* (Ibn Taymiyyah 1986).

Manakala kumpulan kedua terdiri daripada kelompok *bid'ah* pemikiran dan segelintir *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang jahil. Mereka tidak mendustakan hadith, akan tetapi meriwayatkan pembohongan sama ada dalam keadaan mengetahui ia adalah dusta ataupun jahil dalam menyelidiki statusnya. Kelompok ini meriwayatkan hadith-hadith palsu, tidak mengambil berat tentang kaedah nukilan hadith dan pemisahan nas daif daripada nas sahih (al-Suwayyan 2008). Sikap ambil mudah dan sambil lewa telah mengakibatkan pelbagai keburukan dan bencana kepada umat ini.

Kelompok pelampau *bid'ah* pemikiran tidak terhenti kepada tahap menolak dan menentang nas, bahkan mereka sampai kepada tahap membuat tuduhan dusta dan jahil terhadap Rasulullah SAW, persis sebagaimana yang diucapkan oleh pelampau *Jahmiyyah* dan ahli falsafah. Kelompok ini menolak sinar *nubuwah*, berpaling daripada ajaran baginda SAW dan mendustakannya. Mereka tidak beriman dengan apa yang diucapkan oleh para Rasul seluruhnya, bahkan mereka menyatakan boleh menipu untuk beroleh *maslahat yang rajih*, dan *Anbiya'* pernah melakukannya (al-Suwayyan 2008).

Mereka menjadikan nas sebagai mainan seperti yang dilakukan oleh orang-orang Musyrikin sebelumnya terhadap Nabi Muhammad SAW.

Mereka memuliakan wali-wali dan ahli falsafah melebihi Nabi SAW. Mereka menyamakan firman Allah SWT dan sabda baginda SAW dengan kata-kata mereka yang penuh kebatilan. Golongan ini dibahagikan kepada tiga, iaitu: [Pertama] kelompok yang tenggelam dalam khayalan, dengan menyatakan bahawa *Anbiya'* bercakap kepada manusia dengan apa yang dikhayalkan oleh mereka. [Kedua] golongan yang beranggapan *Anbiya'* sebagai jahil dan sesat, tidak mengetahui apa yang dikehendaki Allah SWT. [Ketiga] kelompok penyeleweng dan ahli takwil yang melihat bahawa kata-kata para *Anbiya'* perlu ditafsirkan dengan realiti. Kebenaran kalam *Anbiya'* perlu ditakwil dan dilakukan ijтиhad menggunakan akal untuk mencapai maksud yang menurut mereka lebih tepat (al-Suwayyan 2008).

Kelompok pengagum falsafah dan ilmu kalam yang mempercayai kandungannya amat jauh dengan disiplin ilmu hadith. Mereka tidak mampu membezakan sama ada sesuatu itu hadith atau tidak, *mutawatir* atau *ahad, saih* atau *mawdu'*. Kelompok ini hanya mengikut apa yang disampaikan bulat-bulat, tidak kira hadith atau rekaan semata-mata. Bahkan mereka beralih kepada nas sahih, lalu mengira itu adalah pendustaan terhadap Nabi SAW (Ibn Taymiyyah 1995). Mereka tidak mengetahui makna-makna hadith, objektif atau hakikat kenabian. Dalam erti kata yang lain, kelompok ini bergantung kepada hadith-hadith yang lemah, dusta atas nama Nabi Muhammad SAW serta tidak diterima pakai oleh ulama-ulama hadith.

MENYEMBUNYI DAN MENYELEWENGKAN NAS

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 42 yang bermaksud: “*Dan janganlah kamu campur adukkan kebenaran dengan kebatilan dan (janganlah) kamu sembunyikan kebenaran, sedangkan kamu mengetahuinya.*” Dalam hal ini, pendokong kelompok *bid'ah* pemikiran telah mencontohi sifat *Ahl al-Kitab* yang menyembunyikan dan menyelewengkan kebenaran. Sebagai contoh, sikap pendokong *Jahmiyyah* apabila seseorang berhujah dengan hadith, mereka akan menyalahkan nas tersebut sebagai pembohongan. Apabila seseorang berhujah dengan al-Quran, mereka akan mengalihkan maksud asal dengan pentakwilan batil (Ibn Taymiyyah 1991).

Kelompok ini tidak suka kepada penyampaian nas-nas nabawi. Kadangkala mereka memilih untuk menyembunyikan perkara tersebut, melarang daripada sebaran dan penyampaiannya, berlawanan dengan seruan dakwah pada setiap perkara

kebenaran. Perbuatan melindungi kebenaran dengan kebatilan, menjadikan seseorang terhalang daripada cahaya iman. Pada setiap satu kebenaran, mereka akan menutup dengan satu kebatilan (Ibn Taymiyyah 1995).

Penyelewengan nas adalah satu fenomena berbahaya dalam kalangan umat Islam. Dalam sejarah Islam, hal ini boleh diperhatikan pada amaran Allah SWT terhadap kaum Yahudi. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 79 yang bermaksud: “*Maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis al-Kitab dengan tangan mereka sendiri, lalu dikatakannya; Ini dari Allah, (dengan maksud) untuk memperoleh keuntungan sedikit dengan perbuatan itu. Maka kecelakaan besar bagi mereka, akibat apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri, dan kecelakaan besar bagi mereka, akibat apa yang mereka kerjakan.*”

Merujuk kepada bentuk-bentuknya, pendokong kelompok *bid'ah* bertindak sama ada menyelewengkan lafadz, menyelewengkan makna dengan kekal lafadz pada bentuk asal serta menyelewengkan dalil-dalil daripada tempat-tempatnya. Pada bentuk pertama, orang-orang Yahudi adalah contoh jelas yang memalingkan lafadz asal nas kepada lafadz baru, sesuai dengan kehendak mereka. Manakala pada bentuk kedua, kelompok *bid'ah* pemikiran ini menyelewengkan makna nas dengan mengekalkan lafadz asalnya. Dalam erti kata yang lain, mereka melakukan takwil rosak dengan mengalihkan lafadz daripada zahirnya dan apa yang difahami oleh orang Arab daripada maknanya. Tujuannya mereka ingin meletakkan penterjemahan lafadz kepada makna-makna yang diinginkan. Sebagai contoh, pendokong kelompok *bid'ah* melakukan penyelewengan dalam mentakwilkan syafaat, *sirat al-Mustaqim*, *mizan*, azab kubur dan sebagainya. Pendokong *Qaramitah*, *Batinyyah* dan kelompok pelampau turut mendakwa bahawa al-Quran mempunyai sisi zahir dan batin. Mereka menjadikan al-Quran sedia ada sebagai al-Quran umum, manakala al-Quran khas atau al-Quran batin berada pada sisi mereka (al-Suwayyan 2008).

Pada bentuk terakhir, pendokong kelompok *bid'ah* turut menyelewengkan dalil-dalil daripada tempat sepatutnya. Dalam erti kata yang lain, penyelewengan jenis ini cukup halus, di mana mereka mendatangkan dalil pada satu skop, kemudian memalingkan kepada skop yang lain, dengan beranggapan bahawa kedua-dua skop pendalilan adalah sama. Terdapat ramai orang yang tergelincir dalam aspek pendalilan seperti

ini, termasuk orang ramai yang mahukan kebaikan dengan mereka-reka perkara *bid'ah* dalam agama, tetapi cetek ilmu pendalilan nas. Sebagai akibat, perlakuan menyelewengkan nas akan membuka pintu-pintu kebinasaan, mengada-adakan perkara baru dalam ibadah, memburukkan agama dan sumber syariat, memalingkan kefahaman yang sebenar sehingga memudahkan pendokong *bid'ah* menyelinap masuk memperkotak-katikkan agama Allah SWT (al-Suwayyan 2008).

PENDALILAN NAS SEBAGAI SOKONGAN IDEOLOGI, BUKAN PEGANGAN

Pendokong kelompok *bid'ah* mengambil sikap tidak mengagungkan nas-nas syarak pada tempat sewajarnya, tidak bersungguh-sungguh untuk menelitiinya, tidak membina kepercayaan dan ijtihad dari nas dan tidak mengambil pendalilan daripadanya, melainkan apabila didapati sesuatu yang selari pegangan mereka dari dalam nas. Menjadi kebiasaan pendokong *bid'ah* apabila kalam Rasul berlawanan dengan pendapat mereka, maka hal itu akan ditolak sama ada dengan mengkritik *isnad*, *matan* atau mentakwil luar dari konteks hadith (Ibn Taymiyyah 1995).

Dalamerti kata yang lain, nas-nas yang bertepatan dengan pandangan akan diambil sebagai hujah, manakala yang menyalahinya akan ditakwilkan (al-Suwayyan 2008). Apabila berhujah dengan hadith, mereka tidak mendalami atau memahami *maqasid Nabawi*, bahkan menentang orang yang menggunakan pakai nas tertentu. Pada hakikatnya, kelompok ini berdiri di atas satu jalan yang diada-adakan dan mereka bergantung kepadanya. Mereka tidak menjadikan nas al-Quran maupun hadith sebagai sandaran atau pegangan, melainkan hanya sokongan semata-mata untuk menolak penentangan terhadap ideologi mereka (Ibn Taymiyyah 1986).

Kelompok taksub daripada ahli falsafah dan ilmu kalam sebagai contoh, sebenarnya terpisah daripada al-Quran dan hadith (Ibn Taymiyyah 1995). Penghujahan mereka adalah untuk menolak sebarang bantahan terhadapnya, bukan untuk mendapatkan hidayah atau beramal dengannya. Mereka melihat kepada sunnah, lalu setiap sesuatu yang menyalahi pegangan, akan dibuat helah agar dapat ditolak secara sanad dan matan. Namun jika nas menyebelahi mereka walaupun lemah dari segi sanad dan matan, akan diterima, tidak boleh ditolak, diperakui penghujahan dan disanggah orang yang mengkritik. Jika nas serupa dalam keadaan lemah

atau lebih kuat menyalahinya, akan ditolak mentah mentah (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1991).

Dalam pada itu, kelompok ini tidak mengambil dalil syarak dengan kaedah tepat. Didahulukan akal dan hawa nafsu sebagai standard pemilihan dalil untuk disandarkan pandangan menyeleweng mereka (al-Suwayyan 2008). Termasuk dalam kategori ini golongan pengampu para penguasa untuk mencapai matlamat atau mengharap kedudukan. Dia akan cenderung mengikut tafsiran yang dimahukan kelompok penguasa (al-Shatibi 2008). Setiap yang bertepatan dengan akalnya, akan dikatakan sebagai *muhkam*, diterima dan dijadikan hujah. Setiap yang berlawanan, akan dilabel sebagai *mutashabih* (samar), ditolak, dinyatakan sebagai *tafwid* atau diselewengkan melalui *ta'wil fasad* (Ibn Abi al-'Izz 1997).

MENOLAK HADITH AHAD

Kelompok pertama yang menolak hadith *ahad* secara keseluruhan dalam perkara terkait akidah dan hukum hakam adalah *Khawarij* dan diikuti oleh *Mu'tazilah* (al-Suwayyan 2008). Dalam pada itu, *Qadariyyah*, *Rafidah* dan sebahagian *Zahiriyyah* turut menolak daripada beramal dengan hadith *ahad*. Hujah yang didendangkan adalah hadith *ahad* tidak memberikan sumbangan ilmu secara yakin dan masih boleh dipertikaikan statusnya (al-Suwayyan 2008). Mereka turut menyatakan dalil syarak dan kewarasan akal telah menghalang daripada beramal dengan hadith *ahad*.

Pegangan salah ini kemudiannya diserap oleh sebahagian pendokong ilmu Kalam yang menolak hadith *ahad* dalam bab akidah, namun menerima pula dalam persoalan hukum hakam. Inilah pandangan yang diyakini kebanyakan orang pada masa kini sehingga mereka menyandarkan dakwaan kepada imam-imam mazhab yang empat dan jumurulama (Mahmud Shaltut 2001).

Natijahnya, ditolak kepercayaan-kepercayaan yang *thabit* daripada Nabi Muhammad SAW dalam nas-nas sahih. Kritik terhadap hadith *ahad* telah dieksplorasi oleh kelompok *zindiq*, orang jahil dan kelompok *bid'ah* untuk menolak nas-nas syarak yang *thabit* dengan anggapan bahawa hadith *ahad* memberi makna secara sangkaan, bukan kepastian konkret. Bukan sahaja hadith *ahad*, hadith *mutawatir* turut ditolak oleh kelompok *bid'ah* ini dengan dakwaan bahawa sabitan *mutawatir* pada hadith-hadith tidak *thabit* di sisi mereka.

MENCELA SAHABAT DAN MENINGGALKAN MANHAJ SALAF AL-SALIH

Para sahabat adalah golongan yang paling mengetahui kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya. Pemahaman terkait makna-makna al-Quran dan sunnah diambil daripada para sahabat RA. Maka setiap ilmu daripada ilmu syarak yang diambil bukan daripada jalur sahabat RA atau bertentangan dengan praktik generasi awal, maka ia adalah kesesatan dan penyelewengan yang nyata (al-Baghdadi t.t.).

Berhubung hal ini, kelompok *bid'ah* tidak memperakui autoriti sahabat RA dalam aspek agama, bahkan mengkritik, mendustakan, menuduh bohong atau munafik sehingga sanggup mengkafirkan generasi sahabat. Kelompok *Khawarij* dan *Rafidah* adalah pelopor dalam aspek ini, kemudian diikuti oleh *Mu'tazilah*, *Jahmiyyah* dan semua pendokong pemikiran *bid'ah* (al-Suwayyan 2008). *Rafidah* adalah kelompok paling esktrem dan melampau dalam celaan terhadap sahabat RA. Mereka menyatakan bahawa Saidina Abu Bakar RA, 'Umar RA dan sesiapa yang mengikutinya sebagai kafir.

Menurut Abu Hatim al-Razi: “*Tanda ahli bid'ah adalah mencela ahli al-Athar*” (al-Lalaka'i 2001). Bahkan sebenarnya perbuatan mencela atau merendah-rendahkan sahabat RA pada hakikatnya adalah tohmahan terhadap agama Islam itu sendiri. Dengan cara itu, saksi-saksi mata ketika peristiwa penurunan wahyu akan ditolak dan seterusnya menyekat serta membatalkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Natijahnya, manusia akan berpaling daripada nas wahyu kepada mengagungkan akal dan keinginan hawa nafsu.

Lebih teruk, berpaling daripada manhaj para sahabat RA dan *Salaf al-Salih* mendorong manusia ke arah kesesatan, teraba-raba dalam memahami nas dan meninggalkan ajaran Islam yang sebenar. Semakin jauh daripada manhaj sahabat RA dan *Salaf al-Salih* sama ada dari sudut ilmu atau amalan, maka akan bertambah kejahilan, penyelewengan, kesesatan dan menyimpang daripada manhaj *nubuwwah*. Oleh hal demikian, kelompok *bid'ah* seperti *Mu'tazilah*, *Rafidah* dan *Murji'ah* mentafsirkan nas berdasarkan kepada pandangan logik dan takwilan yang rosak. Mereka tidak berdalil dengan hadith, *athar* sahabat RA, tabiin dan ulama muktabar. Mereka mengambil dalil daripada pandangan ahli falsafah, ilmu kalam, teori metafizik, buku sastera, ahli bahasa berbanding mendalami al-Quran, hadith, kitab tafsir, *sharh al-Hadith* dan seumpama dengannya.

MENCARI-CARI NAS MUTASYABIHAT

Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Dia yang menurunkan kepadamu wahai Muhammad kitab al-Quran yang sebahagian besar daripada adalah ayat-ayat muhkamat, ia adalah ibu isi kitab. Sementara yang lain adalah ayat-ayat mutasyabihat. Orang-orang yang dalam hatinya cenderung pada kesesatan, mereka mengikuti yang mutasyabihat untuk mencari-cari fitnah dan takwilnya, padahal tiada yang mengetahui takwilnya kecuali Allah.*” (Ali Imran 3: 7)

Ayat ini meskipun ditujukan kepada kelompok syirik, ia juga secara tidak langsung merujuk kepada golongan yang mengada-adakan *bid'ah* dalam agama Islam. Hati mereka cenderung kepada *bid'ah* hasil takwilan sendiri terhadap nas-nas *mutashabihat*. Golongan ini bukan sahaja sesat, bahkan cuba menyesatkan orang-orang yang berada pada jalan kebenaran dengan debat, hujah serta pembuktian palsu daripada kefahaman dangkal terhadap takwilan nas *mutashabihat* (al-Tabari 2000).

Golongan *bid'ah* yang berhujah dengan nas *mutashabihat* dan menolak *muhkamat* lazimnya akan menolak sunnah dengan *mutashabihat* daripada al-Quran dan sunnah serta menyelewengkan nas *muhkamat* sebagai *mutashabihat* untuk diabaikan petunjuk nasnya. Hati mereka penuh dengan niat jahat, penyakit dan penyelewengan, hanya memilih untuk mengikuti nas *mutashabihat*. Lalu akan berdalil dengannya bagi menyokong kenyataan-kenyataan batil, mencari fitnah, menyelewengkan maksud nas dan mentakwilkannya sesuai dengan pegangan mereka (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1991).

Dalam erti kata yang lain, kelompok *bid'ah* meninggalkan nas jelas nyata dan mencari-cari nas rumit dengan mendahulukan nas *mutashabihat* daripada nas *muhkamat* sebagai sumber pendalilan. Dengan itu, mereka mengekor perkara-perkara pelik dan sibuk dengan masalah-masalah rumit. Mereka membesar-besarkan perkara *syubhah* dan menimbulkan keraguan terhadap perkara-perkara yang sedia diterima. Mereka memberat-beratkan isu yang tiada keperluan dan tidak berhenti pada perkara yang tiada pengetahuan yang pasti mengenainya. Setiap dalil yang di dalamnya terdapat kesamaran dan kerumitan sebenarnya bukan dalil, sehingga lah nyata makna dan penzahiran yang dikehendaki daripadanya.

Dalam pada itu, pendokong kelompok *bid'ah* turut mendorong kepada akibat buruk seperti melagakan nas di antara satu sama lain dengan takwilan yang saling bertembung dan bercanggah (Ibn Qutaybah 1999). Pada akhirnya, orang ramai akan bercakap dan beramal dalam perkara yang mereka tiada pengetahuan mengenainya. Sikap kelompok ini yang mencari dalil berdasarkan hawa nafsu sebagai saksi telah membuka pintu-pintu finah, kesesatan dan penyelewengan.

MENGABAIKAN BAHASA AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Dalam hal ini, kelompok *bid'ah* gagal menguasai bahasa Arab, mengikut lengkok bahasa asing, lalu melakukan takwilan yang salah. Kelompok ini memekakkan telinga terhadap nas-nas dalam bahasa Arab, berpaling daripada ilmu bahasa Arab yang difahami daripada Allah SWT dan Rasul-Nya, kemudian memberi fatwa mengikut kefahaman dangkal bersalah dengan struktur bahasa (al-Suwayyan 2008). Golongan ini menyangka dan berkelakuan seperti ahli *ijtihad* atau *istinbat*, sedangkan mereka bukan dalam kelompok sedemikian.

Bukan itu sahaja, kalangan dalam kelompok ini yang mahir bahasa Arab turut menyelewengkan kaedah-kaedah bahasa dan apa yang sedia diketahui oleh orang-orang Arab supaya menepati pandangannya yang batil. Dalam satu contoh, kelompok *Mu'tazilah*, *Khawarij* dan *Murji'ah* mentakwil perkataan *lan* sebagai penafian untuk masa hadapan yang akhirnya membawa kepada *i'tiqad* manusia tidak akan melihat Allah SWT di akhirat. Hal ini berlawanan dengan nas *sarih* lagi sahih dan bertentangan dengan kaedah bahasa orang-orang Arab di mana perkataan *lan* tidak memberi maksud penafian selama-lamanya (al-Zamakhshari 1987).

PENILAIAN KONTEMPORARI DALAM *ISTIDLAL AL-HADITH*

Berdasarkan kepada perbincangan sebelumnya, diketahui terdapat pelbagai kaedah pendalilan salah yang ditelusuri oleh pendokong kelompok *bid'ah* dan sesat sepanjang sejarah umat Islam. Bukan itu sahaja, bahagian ini akan membincangkan mengenai rekaan naratif-naratif baru ciptaan kelompok *bid'ah* dan sesat, sama ada sebagai ganti kepada usul syariat sedia ada atau menyempitkan metodologi

pendalilan dalam skop yang diingini akal dan hawa nafsu. Rekaan naratif baru dalam penghujahan dan ambilan dalil yang didapati adalah seperti berikut:

BERTAQLID DENGAN PARA IMAM, TUAN GURU, PEMBESAR DAN SHAYKH

Rafidah Imamiyyah dan *Sufiyyah Batiniyyah* merupakan kelompok paling menyeleweng dalam konteks ini. *Rafidah Imamiyyah* mendakwa imam-imam mereka memiliki tahap maksum mutlak, sama seperti Nabi Muhammad SAW. Mereka tidak berdalil dengan al-Quran dan hadith. Apatah lagi dengan ijmak atau *qiyas* disebabkan adanya imam yang maksum dalam kalangan mereka (Ibn Taymiyyah 1986). Dalam erti kata yang lain, kelompok ini hanya berpegang kepada kata-kata imam dan tidak peduli dengan dalil atau *ta'lil*.

Manakala kelompok *Sufiyyah Batiniyyah* mengagungkan para *wali qutb*, guru mursyid dan *mashayikh* dengan menerima bulat-bulat setiap butir kata pimpinan. Bahkan sebahagian *Ghulat Sufiyyah* menyangka para wali adalah lebih afdal daripada para rasul. Mereka mendakwa guru-guru sufi lebih mengetahui tentang Allah SWT daripada para rasul (al-Shatibi 2008). Para rasul hanya mendapat ilmu mengenal Allah SWT daripada *mishkat* mereka dan hanya kelompok ini yang memahami tafsiran batin terhadap al-Quran dan hadith.

Dalam pada itu, kelompok falsafah *Batiniyyah* turut terjerumus dalam hal ini dengan mengagungkan pandangan ahli-ahli falsafah Greek dan mengangkat fahaman *mantiq* mereka daripada nas syarak. Kelompok ini melarang orang ramai daripada bertaqlid dengan para rasul dan membangkang nas dengan fahaman falsafah (Ibn Taymiyyah 1995).

Dalam hal ini, mengagungkan datuk nenek dan *mashayikh* sebenarnya berasal daripada puak Musyrikin yang ingkar terhadap ajaran Nabi Muhammad SAW. Hal ini akhirnya menutup pandangan daripada mengenal jalan kebenaran serta menghalang kewarasan akal sihat untuk mempertimbangkan bukti dan tanda kebenaran Islam. Berdebat dengan kelompok ini adalah rumit, sulit diperbetulkan dan membawa kepada perpecahan dan tipu helah. Sukar untuk melihat seseorang berpatah balik daripada sifat taksub terhadap ajaran pemimpin mereka kepada jalan kebenaran. Meskipun telah nyata bukti-bukti kebenaran, kelompok ini tetap berdegil menegakkan benang yang basah (hujah batil).

DAKWAAN KASHAF DAN ILHAM

Kelompok pelampau *Sufiyyah* mendakwa para shaykh sufi telah dianugerahkan dengan singkapan makna-makna al-Quran dan hadith yang tidak diketahui oleh para ulama syariah yang dikenal sebagai ulama zahir (al-Suwayyan 2008). Mereka mendakwa bahawa para wali, shaykh dan guru mursyid mendapat cahaya kefahaman langsung daripada Allah SWT, hasil daripada zuhud terhadap dunia, mengosongkan hati dan melepaskan keterikatan dengan tipu daya alam dunia secara keseluruhan. Dengan amalan khalwat atau suluk, para shaykh sufi membataskan kepada amalan fardu dan *rawatib* sahaja, bahkan berusaha agar tidak terlintas sesuatu pun selain daripada Allah SWT dalam fikirannya (al-Ghazali t.t.).

Dalam erti kata yang lain, shaykh sufi berterusan dalam khalwatnya, sentiasa menyebut Allah, Allah, Allah sehingga sampai kepada *maqam* tertentu, seolah-olah kalimah Allah SWT mengalir sendiri di atas lidahnya. Dengan itu, beliau akan mendapat rahmat Allah SWT dan dibukakan pintu ilmu sebagaimana dibukakan kepada para *Anbiya'* dan *Awliya'*. Di dalam keadaan tersebut, beliau akan mendengar seruan kebenaran dan menyaksikan keagungan Allah SWT (al-Ghazali t.t.).

Malah ada dalam kalangan pelampau tasawuf yang beranggapan Allah SWT bercakap dengan mereka, sebagaimana percakapan dengan Nabi Musa A.S. Dengan cara itu, mereka menyangka bahawa status kenabian adalah sesuatu yang boleh diperolehi dan darjah ahli kumpulan mereka adalah lebih tinggi daripada para *Anbiya'* (al-Suwayyan 2008).

Maka dengan itu, kelompok ini menetapkan timbangan penerimaan satu-satu kebenaran adalah berdasarkan kasyaf dan ilham para *mashayikh* yang didakwa telah mencapai maqam keterdekatkan (*taqarrub*) dengan *Rabb al-Jalil*. Penamat kelompok ini adalah mereka mengikuti sangkaan batil dan apa yang disukai oleh jiwa, tanpa hidayah, ilmu atau dalil. Setiap pendokong *mukashafah*, ilham dan *khitab* tidak pernah lebih *awla* daripada Saydina 'Umar al-Khattab RA (Ibn Taymiyyah 1995). Sewajarnya mereka mengikut sunnah 'Umar RA dalam mendahuluikan al-Quran dan al-Sunnah, dan bukan cenderung kepada sisi ajaib lalu menisbahkan taraf mereka sama atau melebihi 'Umar RA.

Lebih parah, kaedah pendalilan secara kasyaf dan ilham dari kalangan *Sufiyyah* serta ahli tasawuf telah mengheret bala besar kepada umat ini. Semakin

jahil dan memeningkan dakwaan seseorang shaykh, maka dikatakan semakin dia mengenal Allah SWT dan semakin diagungkan di sisi mereka. Akibatnya, mereka berpegang kepada keraguan yang nyata daripada kasyaf dan ilham, tidak mempercayai kebenaran selainnya serta mempercayai sesuatu kenyataan yang terawang-awang bergantangan, tiada dalam nas atau *athar* yang berautoriti.

MELAMPAU DALAM GUNA PAKAI AKAL

Akal memiliki kedudukan agung dalam Islam sebagai alat bantu memahami petunjuk agama dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak (al-Suwayyan 2008). Allah SWT turut menggalakkan manusia untuk melakukan *tadabbur*, memikirkan serta memahami wahyunya menggunakan akal sejahtera. Diperintahkan supaya memelihara akal, dilarang setiap perkara yang berupaya merosakkan akal dan memberi kesan terhadapnya (al-Suwayyan 2008).

Walau bagaimanapun, keupayaan akal manusia mempunyai had batasan tertentu di mana akal tidak mampu memahami kecuali apa yang dapat dirasa atau dilihat. Jalan menuju Allah SWT dan keselamatan daripada azab neraka tidak dapat ditaakul melainkan dengan riwayat dan nukilan dari dalam nas. Mata tidak akan dapat melihat melainkan dengan wujud cahaya di hadapannya, begitu juga akal yang tidak akan mendapat petunjuk melainkan dengan adanya cahaya risalah (Ibn Taymiyyah 1995). Pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam persoalan akal adalah secara *wasatiyyah*, tidak melebihkan peranannya dan tidak mengabaikan kewujudannya.

Berdasarkan penelitian, penyelewengan dalam persoalan akal terbahagi kepada dua kelompok, iaitu Pertama: golongan yang melampau dalam mengabaikan akal seperti pengikut tasawuf jahil yang membatalkan fungsi akal dan mengangkat setiap butir kata guru atau *mashayikh* sebagai pegangan secara total (Ibn Taymiyyah 1995). Kumpulan ini bukan hanya mematikan fungsi akal, bahkan menolak peranan syarak yang dianggap kefahaman agama secara zahir, jauh menyimpang daripada pentafsiran batin mereka.

Kedua: golongan yang memandang suci (*taqdis*) peranan akal yang terdiri daripada pengkaji ilmu kalam, *Mu'tazilah*, *Jahmiyyah* dan seumpamanya yang menjadikan akal setara atau melebihi autoriti hukum syarak (Ibn Taymiyyah 1995). Mereka menjadikan akal semata-mata sebagai neraca ambilan sumber dan kaedah pendalilan serta

menjadikan iman, al-Quran dan sunnah yang perlu mengikutinya.

Sebagai akibat, golongan ini mendakwa akal kadangkala akan menyalahi *nas naqli*. Mereka menolak hadith-hadith yang tidak menepati kehendak dan ideologi. Mereka turut mendakwa hadith-hadith menyalahi logik akal seperti hadith lalat, sebaran wabak pada satu malam dalam setahun dan banyak lagi hadith-hadith sahih yang dinukilkan daripada perawi yang adil (al-Shatibi 2008). Lebih parah, kelompok ini mendakwa *Anbiya'* dan *Salaf al-Salih* tidak mengetahui kebenaran yang disebarluaskan dengan akal mereka, atau *Anbiya'* dan *Salaf al-Salih* mengetahui, akan tetapi culas tidak menyampaikannya kepada umat (Ibn Taymiyyah 1991). Dalam erti kata yang lain, mereka mengkritik para Nabi dan ulama sebagai jahil, tidak amanah dalam menyampaikan risalah *nubuwwah*.

Pada masa kini, kelompok ini menjenamakan diri sebagai pemikir moden dan lancang membantah nas-nas yang tidak sehaluan. Sebagaimana generasi terdahulu yang terkesan dengan pemikiran falsafah Yunani, golongan pemikir ini pula terpesona dengan pemikiran Barat dan menjadikannya sebagai hujah atas nama kebebasan beragama.

KESIMPULAN

Al-Quran dan hadith Nabawi merupakan jalan hidayah dan keselamatan hakiki dunia akhirat. Keberadaan pada jalan keduanya dan bergerak atas tertib yang benar, akan terpelihara daripada penyelewengan dan kesesatan. Kelompok yang berpaling, memandai-mandai mencari sumber selain daripada keduanya akan mengundang kecelakaan di dunia akhirat.

Kelompok *bid'ah* pemikiran dan sesat akan milarikan diri daripada nas al-Quran dan hadith, sebagaimana larinya keldai daripada anak panah dan singa. Jika mendengar sabda Nabi Muhammad SAW, mereka akan milarikan diri daripada kebenaran. Ibadah mereka dihiasi oleh syaitan, membenci ilmu al-Quran dan hadith, tidak suka kepada kebenaran hakiki dan jauh dari panduan kitab-kitab muktabar.

Menjadi pengajaran kepada generasi masa kini untuk menghidupkan sunnah Rasulullah SAW berdasarkan ambilan sumber dan kaedah pendalilan yang tepat berpandukan kepada pedoman *Salaf al-Salih*, berhenti pada batasannya serta beramal dengan yakin pada nas yang *thabit*. Tiada jalan keluar daripada kecelaruan zaman ini, melainkan dengan dalil atau *ta'lil* yang ikhlas, tidak dicemarkan

dengan ikutan hawa nafsu, diselindungkan oleh kesamaran atau dihiasi dengan pemikiran *bid'ah*, falsafah dan ilmu kalam yang batil.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia atas penganugerahan Geran Penyelidikan Islam (PP-2022-019). Terima kasih diucapkan kepada Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah atas sokongan dan bantuan sepanjang pengkajian dilakukan.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Mohd Farhan Md Ariffin; metodologi, Fadlan Mohd Othman dan Najah Nadiah Amran; kesahan, Mohd Nazri Ahmad; analisis formal, Mohd Farhan Md Ariffin dan Ibrahim Adham Mohd Rokhibi; penelitian, Mohd Farhan Md Ariffin; sumber, Mohd Farhan Md Ariffin dan Ibrahim Adham Mohd Rokhibi; penulisan-persediaan draf asal, Mohd Farhan Md Ariffin; penulisan-suntingan, semua pengarang; pemerolehan dana, Geran Penyelidikan Islam (PP-2022-019). Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- Al'ikhsan Ghazali, M., & Sawari, S. S. 2014. Pengaruh pemikiran golongan anti hadith (gah) kepada umat Islam: Kajian khusus di Lembah Klang. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*. 12(1). 75-86.
- _____. t.t. *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah*. ed. Abu 'Abdullah al-Suriqi dan Ibrahim Hamdi al-Madani. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ali, M. A. M., Ibrahim, M., & Sayska, D. S. 2011. Hadith "anti wanita" berkenaan dengan kehidupan rumah tangga: Kajian kritik terhadap feminis liberal. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*. 9(1). 135-166.
- Al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir. 1928. *Usul al-Din*. Istanbul: Matba'ah al-Dawlah.
- Al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad Ibn 'Ali. t.t. *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'*. ed. Mahmud Tahhan. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Faisal Ahmad Shah. 2016. *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Faisal Ahmad Shah, Monika@Munirah Abdul Razak & Mustaffa Abdullah. 2021. *Tafsiran Al-Quran dan Hadis: Salah Faham dan Penyelewengan*. Kuala Lumpur: UM Press.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. t.t. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Hibah Allah al-Lalaka'i. 2001. *Sharh 'Usul I'tiqad Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Iskandariyah: Maktab Dar al-Basirah.
- Hudaya, H. 2016. Mengenal Kitab Al-Umm Karya Al-Syafi'i (Dari Metode Istidlal Hukum Hingga Keaslinnya). *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*. 14(1): 59-80.
- Ibn Qutaybah, Abu Muhammad 'Abdullah Ibn Muslim. 1999. *Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith*. t.tp. al-Maktab al-Islami.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah Muhammad Ibn Abi Bakr. 1991. *I'lām al-Mawqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim Ibn Musa Ibn Muhammad al-Lakhmi al-Shatibi. 2008. *Al-I'tisam*. ed. Hisham Ibn 'Isma'il al-Sini. Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ismail, A. M., Mahmood, A. M., & Kashim, M. I. A. M. 2021. Mengenal pasti perwatakan ekstremis melalui disiplin fiqh taayush. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*. 43(1): 121-134.
- Al-Jurjani, 'Ali Ibn Muhammad. 1983. *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (edisi ke-4). 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Amin Mohd Zain & Mohd Norzi Nasir. 2012. Konsep dan Syarat Terjemahan Hadith. *Jurnal HADIS*. Institut Kajian Hadis (INHAD). 3: 55-70
- Maafi Husin Ali Amran, Mohd Arif Nazri, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mohd Nazri Ahmad. 2018. *Penyelewengan Tokoh Syiah Isu Ahl al-Bayt*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mahmud Shaltut. 2001. *Al-Islam: 'Aqidah wa Shari'ah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Mat Jubri, M. 2021. The position of The Prophet's attributes in juristic deduction (istidlal) with the hadis. *Jurnal Al-Sirat* 2(19): 1-9.
- Muhaimin, U. 2018. Metode istidlal dan istishab (formulasi metodologi ijtihad). *Yudisia: Jurnal Pemikiran Hukum dan Hukum Islam* 8(2): 330-350.
- Muhammad Ibn 'Ala' al-Din Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi. 1997. *Sharh al-'Aqidah al-Tahawiyyah*. ed. Shu'ayb al-Arnau't dan 'Abdullah al-Muhsin al-Turki. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Muhammad Ibn Idris al-Shafi'i. 1940. *Al-Risalah*. ed. Ahmad Shakir. Mesir: Maktabah al-Halabi.
- Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. 2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. ed. Ahmad Muhammad Shakir. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. 1972. *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim Ibn al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Nur Adilah Amiruddin & Fadlan Mohd Othman. 2019. *Habib dan Kaedah Bertawassul*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Shanqiti, 'Abd Allah Ibn Ibrahim al-'Alawi. t.t. *Nasyr al-Bunud 'ala Maraqi al-Su'ud*. t.tp.: t.p.
- Shams al-Din al-Dhahabi. 1963. *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. ed. 'Ali Muhammad al-Bijawi. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Suwaiyan, Ahmad Ibn Abd al-Rahman. 2008. *Manhaj al-Talaqqi wa al-Istidlal Bayna Ahl al-Sunnah wa al-Mubtadi'ah*. t.tp.: t.p.
- Stapa, Z. 2011. Kedudukan pemikiran al-ash'ari dan al-maturidi dalam mazhab ahli sunnah waljamaah. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 33: 37-44.
- Tabrani, M. 2018. Maqashid revitalization in global era: Istidlal study from text to context. *Al-Ihkam: Jurnal Hukum & Pranata Sosial* 13(2): 310-333.
- Taqi al-Din Abu al-'Abbas Ahmad Ibn 'Abd al-Halim Ibn Taymiyyah al-Harrani. 1995. *Majmu' al-Fatawa*. ed. 'Abd al-Rahman Ibn Muhammad Ibn Qasim. Madinah: Majma' al-Muluk Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- _____. 1986. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Naqd Kalam al-Shi'ah wa al-Qadariyyah*. ed. Muhammad Rashshad Salim. Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud al-Islamiyyah.
- _____. 1991. *Dar'u Ta'arud al-'Aql wa al-Naql*. ed. Muhammad Rashshad Salim. Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud al-Islamiyyah.
- _____. t.t. *al-Sarim al-Maslul 'ala Shatam al-Rasul*. ed. Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Saudi: al-Hars al-Wataniy al-Saudiy.
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Muhd Najib Abdul Kadir. 2013. Kritikan Muslim liberal terhadap ulum al-Quran: Suatu kecenderungan baru dalam tafsiran al-Quran. *Islamiyyat* 35 (2): 83-88.
- Al-Zamakhshari Abu al-Qasim Mahmud. 1987. *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.